

Headline	Bekas pegawai polis dipenjara 12 tahun		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Page No	12
ArticleSize	132 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,755		



Bekas pegawai polis dipenjara 12 tahun



Roslan (depan) dan Nik Azainoon selepas tamat prosiding di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

SHAH ALAM - Seorang bekas pegawai kanan polis berpangkat Deputi Superintendant dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan denda RM105,000 selepas didapati bersalah terhadap tiga pertuduhan ber-setuju menerima suapan RM21,000, lapan tahun lalu.

Hakim, Asmadi Husin buat keputusan itu terhadap Nik Azainoon Nik Aziz dan perintahkan hukuman penjara berjalan serentak, iaitu empat tahun bermula semalam.

Mahkamah juga perintahkan Nik Azainoon menjalani hukuman penjara tambahan 12 bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Asmadi turut menjatuhkan hukuman lapan tahun penjara terhadap juruelektrik, Roslan Jali selepas didapati bersalah terhadap dua pertuduhan

ber-setuju menerima RM11,000 bagi pihak Nik Azainoon.

Roslan diperintah jalani hukuman penjara empat tahun dengan hukuman berjalan serentak. Dia juga dikenakan denda RM55,000 dan tujuh bulan penjara tambahan jika gagal membayar denda.

Nik Azainoon, 54, dan Roslan, 49, didapati bersalah menerima suapan daripada pesara Tenaga Nasional Berhad, sebagai dorongan untuk hilangkan rekod kesalahan jenayah orang yang ditangkap kerana disyaki terlibat dalam kegiatan 'black money'.

Kesalahan itu dilakukan mereka antara 5 November 2008 hingga 4 Februari 2009 di Restoran Starwalk Cafe and Bakery, Taman Datang Ampang dan Restoran A&W Petaling Jaya, dekat sini.